



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

**TEKS UCAPAN
YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI KERJAYA @ SESI
LIBAT URUS KEMENTERIAN KERJA RAYA
2018**

15 DISEMBER 2018

SALUTASI

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Baharu.

1. Pertamanya pada hari ini saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran kepada Tuhan kerana kita dapat melaksanakan satu program yang cukup bermakna terutama kepada generasi belia di kawasan ini. Sudah pasti dalam meneruskan kelangsungan hidup dimasa hadapan, para belia memerlukan kerjaya sebagai jaminan masa depan bukan hanya kepada diri sendiri tetapi kepada ahli-ahli keluarga yang bakal dibina.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya sampaikan kepada semua yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penganjuran majlis ini. Tahniah diucapkan kerana berjaya menganjurkan majlis seumpama ini yang bukan hanya berkisar tentang kerjaya, tetapi juga majlis interaksi antara para belia, masyarakat bersama-sama pemimpin, selain sesi libat urus dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini khasnya maklumat tentang peluang-peluang kerjaya. Peluang kerja yang dimaksudkan bukan sahaja untuk mendapatkan pekerjaan tetapi untuk mendapatkan peluang latihan dan perniagaan.

3. Program seperti ini juga saya lihat sebagai satu usaha untuk memperkasa dan mensejahterakan kehidupan rakyat terutama yang tinggal di kawasan luar bandar supaya golongan ini tidak tertinggal dalam arus perdana agenda pembangunan negara dan inilah harapan yang ingin diterjemahkan dalam kerajaan baharu selepas mentadbir negara ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sesungguhnya penganjuran program seumpama ini merupakan satu titik permulaan untuk menyebarkan lagi peluang-peluang kemahiran yang ditawarkan oleh agensi di bawah Kementerian Kerja Raya yang boleh dimanfaatkan oleh golongan belia luar bandar untuk mempertingkatkan kemahiran sebagai satu nilai tambah untuk bersaing dalam pasaran kerja bidang kemahiran. Situasi ini selaras dengan hasrat negara kita untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi melalui pekerja yang berkemahiran.

5. Melalui agensi seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Akademi Binaan Malaysia (ABM), pelbagai bidang kemahiran disediakan kepada golongan belia dan peluang ini perlu direbut sebaik mungkin bagi melahirkan golongan pekerja yang berkemahiran. Untuk makluman bersama, sebanyak sepuluh jenis bidang kemahiran berimpak tinggi ditawarkan ABM, antaranya ialah :

- a. Scaffolding Erection;
- b. Welding 3G dan 6G;
- c. Wireman PW1, PW2, PW3 dan PW4;
- d. Chargeman AO, A1, BO, B1 dan B4;
- e. Gas Pipe Fitting (fitting/insulation) dan lain-lain lagi.

6. Bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional atau *technical and vocational education and training* (TVET) telah dijadikan salah satu teras dalam pembangunan modal insan untuk mencapai negara maju. Peluang seperti ini lah yang perlu diambil oleh golongan belia khususnya di kawasan pedalaman untuk terus mempertingkatkan

kemahiran teknik dan vokasional bagi membolehkan belia terus bersaing dalam pasaran kerja.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Dalam aspek pembangunan fizikal pula, saya ingin memaklumkan bahawa di bawah pentadbiran Kerajaan baharu hari ini, Negeri Sarawak tidak akan ditinggalkan dalam aspek pembangunan dan buktinya, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan diteruskan setelah mengambilkira beberapa perkara. Projek mega ini nanti berupaya menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi yang akan bertindak menghubungkan bandar-bandar utama di sepanjang Jalan persekutuan dan akan menjadi pemangkin kemajuan kepada bandar-bandar tersebut.

8. Situasi ini pastinya membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Disamping itu, peluang kerjaya juga pasti wujud di sektor perindustrian dan pelaburan melalui kewujudan pusat perindustrian dan pusat komersial di sepanjang jajaran Lebuhraya tersebut. Ia turut menjadi pemangkin kepada kemajuan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE).

9. Selain itu, peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan dan penyenggaraan jalan raya juga boleh direbut oleh para belia. Daerah Lawas juga tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara dimana jajaran jalan persekutuan di daerah ini sepanjang 59.4 kilometer akan terus diselenggara oleh pihak kerajaan persekutuan dengan kos peruntukan sebanyak RM159,786.00 setiap bulan. Begitu juga kerja-kerja berkala akan terus dilaksanakan di kawasan jalan sempadan Lawas (Temburong)-Sg Terusan dan Sg Terusan pekan Lawas dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Pelaksanaan kerja-kerja

penyelenggaraan ini dibuat semata-mata untuk terus memastikan masyarakat di luar bandar terus menikmati kemudahan jalan raya yang lebih baik dan selamat untuk digunakan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Dikesempatan ini saya juga ingin menyeru kepada semua golongan belia supaya tidak terlibat dengan masalah sosial terutama penyalahgunaan dadah yang bukan hanya merosakkan diri sendiri tetapi melibatkan keluarga dan masyarakat. Justeru, setiap lapisan masyarakat juga berperanan untuk bersama-sama membentaras gejala ini. Ketua-ketua masyarakat, ibu bapa dan institusi agama harus lebih aktif dan peka dengan sebarang permasalahan yang berlaku dip persekitaran kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Saya berharap dengan program seperti ini dan segala usaha Kerajaan untuk melengkapkan golongan muda dengan kualiti dan kemahiran, mendapat sokongan semua pihak terutamanya Masyarakat Lawas. Ini demi memastikan golongan muda mempunyai masa hadapan yang lebih baik serta bersedia menghadapi pembangunan ekonomi yang pesat.

10. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh barisan ahli jawatan kuasa penganjur yang telah menjayakan program pada hari ini. Saya berdoa semoga semua yang hadir pada majlis ini khasnya dan keseluruhan belia amnya sentiasa berada dalam keadaan sihat serta bersemangat juang yang tinggi untuk meneruskan tugas-tugas harian dan mendapat manfaat dalam program yang telah dianjurkan selama tiga hari ini. Bagi pihak saya dan kerajaan, kami akan sentiasa mencari jalan untuk membantu ke arah melahirkan masyarakat yang berjaya dan cemerlang dalam semua lapangan yang diceburi.

11. Semoga usaha murni ini akan mendatangkan manfaat kepada golongan sasaran. **Dengan ini saya merasmikan Hari Kerjaya dan Sesi Libat Urus Kementerian Kerja Raya 2018.**

Sekian, terima kasih.